

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Nasional

# Bonus Tabung Haji 8 peratus

» 8.2 juta pendeposit nikmati kenaikan tertinggi dalam tempoh 12 tahun

Oleh Ahmad Fiesal Othman  
fsal@bharian.com.my

## Kuala Lumpur

Penyimpan Tabung Haji di-berikan bonus lapan peratus untuk tahun kewangan 2012, paling tinggi dalam tempoh lebih 12 tahun lalu.

Bonus Jubli Emas sempena ulang tahun ke-50 penubuhan TH itu akan dibayar kepada 8.2 juta pendeposit mulai Ahad ini.

Daripada jumlah itu, 6.5 peratus adalah bonus tahunan dan bonus khas sebanyak 1.5 peratus, membabitkan bayaran keseluruhan RM2.46 bilion, iaitu RM2.13 bilion bonus tahunan dan RM325 juta bonus khas. Tahun lalu Tabung Haji memberikan bonus sebanyak enam peratus.

Jumlah bayaran bonus sebanyak RM2.46 bilion itu adalah rekod tertinggi sejak penubuhan Tabung Haji.

### Bonus Jubli Emas

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, ketika mengumumkannya, berkata Bonus Jubli Emas itu untuk menghargai kesetiaan pendeposit yang sentiasa yakin dan aktif menabung dalam Tabung Haji.

Beliau berkata, kedudukan kewangan Tabung Haji yang sentiasa positif dan kukuh ser-

ta lebihan wang rizab yang dikumpul selama tujuh tahun sejak 2006 antara faktor pembayaran bonus istimewa itu.

“Sempena sambutan jubli emas, Tabung Haji memberikan hadiah istimewa kepada

pendeposit,” katanya pada majlis pengumuman itu semalam. Hadir sama Pengurus Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa’ari Mohamed Nor dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Jamil Khir berkata, bonus tahunan 2012 adalah kompetitif memandangkan pelaburannya terhad kepada pelaburan berlandaskan Syariah, manakala tabungan oleh pendeposit pula secara suka rela dan tiada had.

Beliau berkata, pendapatan Tabung Haji bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 meningkat 28 peratus kepada RM2.8 bilion, berbanding RM2.2 bilion pada 2011.

“Tabung Haji berjaya melonjakkan prestasi kewangan dengan mencatat pendapatan

melebihi RM2 bilion tiga tahun berturut-turut sejak 2010 dan keuntungan bersih buat pertama kali melepas RM2 bilion selepas berada di aras RM1 bilion selama lima tahun berturut-turut sejak 2007,” katanya.

Keuntungan Tabung Haji tahun lalu ialah RM2.146 bilion, berbanding RM1.689 bi-

lion pada tahun 2011

Beliau berkata, jumlah aset pelaburan Tabung Haji pada 2012 terus mencatatkan pertumbuhan sihat 22 peratus kepada RM38.4 bilion daripada RM31.4 bilion tahun sebelumnya.

### Hasil pelaburan taktikal

Katanya, pertumbuhan positif itu adalah hasil pelaburan taktikal dan tabungan yang konsisten daripada pendeposit.

Pertumbuhan saiz dan dana pendeposit Tabung Haji juga terus berkembang menunjukkan perkembangan baik apabila jumlah pendeposit setakat 2012 mencapai 8.2 juta dengan dana terkumpul mencecah RM3.5 bilion. Ia masing-masing meningkat 17 dan 13 peratus, berbanding tujuh juta pendeposit dengan dana RM31.7 bilion pada 2011.

Beliau berkata, secara keseluruhan, kadar perbelanjaan operasi terhadap pendapatan Tabung Haji menurun 17 peratus tahun lalu berbanding 20 peratus pada 2011.



*Pendapatan Tabung Haji bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 meningkat*

*28 peratus kepada RM2.8 bilion, berbanding RM2.2 bilion pada 2011”*

**Jamil Khir Baharom**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri